

# Tokoh lama PAS tak bersuara lagi di -Dewan Kedah-

Oleh SAAD TAIB

**D**EWAN Undangan Negeri Kedah tidak lagi mempunyai jalak dari PAS untuk berkokok di sidang-sidangnya selepas pilihanraya 22 April lalu.

Ini kerana jalak yang sering berkokok tidak lagi mewakili kawasan masing-masing untuk menghadiri sidang Dewan Negeri.

Kalau dulu, sekurang-kurangnya tiga orang yang sering berkokok, menjelang sidang akan datang, kokokan mereka lenyap langsung.

Sejarah kokokan mereka mulai lantang sejak 1969, apabila PAS membolot lapan kerusi Dewan Negeri. Empat tokoh yang sering bersuara lantang di dalam Dewan ialah Datuk Haji Abu Bakar Umar (Jerlun), Datuk Sudin Wahab (Langgar/Limbong), Encik Harun Jusuh (Sik) dan Haji Mohd. Ramli Abdullah (Kupang).

Menjelang 1974, kokokan mereka agak reda, apabila PAS bercantum dengan Barisan Nasional. Mereka menganggotai Kerajaan.

Datuk Sudin dilantik menjadi anggota EXCO, Encik Harun Jusuh sebagai Timbalan Speaker dan Datuk Haji Abu Bakar menjadi Timbalan Menteri Pertanian, kemudian Timbalan Menteri Kesihatan.

Apabila PAS keluar dari BN, mereka meneruskan peranan pembangkang — berkokok mengikut selera, walaupun apa yang ditimbulkan menyentuh tugas yang pernah mereka jalankan.

Wakil PAS Kupang, Haji Mohd. Ramli yang menjadi bahan ketawa dalam setiap sidang dewan, turut gagal mempertahankan kerusinya.

Hujung tahun 1977, beliau muncul sebagai anggota pembangkang yang mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap pimpinan Datuk Seri Syed Ahmad Shahabudin, sebagai Menteri Besar.

Menjelang pilihanraya 1978, Datuk Sudin berjaya lagi mewakili Langgar/Limbong; Datuk Haji Abu Bakar, mewakili Jerlun; Haji Mohd. Ramli, masih diperlukan, di Kupang.

Dengan beberapa anggota PAS itu, mereka terus berkokok hinggalah sidang Dewan Negeri berakhir November tahun lalu.

22 April lalu, mereka begitu berharap akan terus berkokok pada setiap kali dewan bersidang. Rupa-rupanya, takdir mengatasi takdir.

Bertolak kepada Datuk Haji Abu Bakar yang memilih dua kawasan — Parlimen Kota Setar dan Dewan Negeri Alor Merah — Datuk Sudin mengikut jejak langkah Setiausaha Agungnya dengan hasrat untuk berkokok juga dalam Parlimen dan juga Negeri.

Lalu memilih kawasan Parlimen Padang Terap menentang Tan Sri Syed Ahmad Shahabudin (Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura) dan Dewan Negeri Pokok Sena, menentang Haji Abdul Hamid Tahir (bekas Senator dan Setiausaha Politik, Menteri Besar).

Tuhan telah menentukan bahawa Datuk Haji Abu Bakar hanya berjaya mewakili kawasan Parlimen, manakala di peringkat Dewan Negeri, beliau ditumbangkan oleh Datuk Haji Khalid Abdullah, bekas Senator.

Dengan takdir Allah, Datuk Sudin tersungkur di kedua-dua tempat sekali. Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri.

Sementara tokoh yang selalu mentertawakan ahli dewan lain ketika bersidang, Haji Mohd. Ramli, turut tertiarap oleh penangan muka baru dari BN, Encik Zainol bin Mohd. Isa, bekas Penghulu Mukim.

Pendeknya, era 1982 pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak memberi peluang langsung kepada jalak-jalak lama PAS untuk berkokok di dalam Dewan Negeri Kedah, ini termasuk Haji Abdul Wahab Sulaiman (Anak Bukit) dan Harun Jusuh (Sik).

Hanya yang akan muncul di tengah gelanggang ialah dua jalak baru yang belum kenal "Dewan Undangan Negeri" secara terperinci.

Mereka — Encik Said bin Yassin (Langgar/Limbong) dan Ustaz Fadzil bin Noor — begitu bernaib baik dipilih oleh rakyat mewakili PAS.

Oleh itu, mereka perlu dididik, dibimbing, malah diajarkan kerana tidak ada jalak lama yang boleh memandu mereka mempelajari peraturan Dewan, bagaimana mengemukakan soalan, berhujah, ucapan tangguhan dan sebagainya.

Apakah pula dengan dua anggota PAS itu, Kerana Negeri merestui pula seorang dari mereka menjadi Ketua Pembangkang.

Untuk menjadi anggota pembangkang yang sihat, mereka perlu banyak belajar dan bersedia dalam gelanggang, atau, lebih baik menyertai Barisan Nasional! ■